

PM setuju selesaikan tiga isu utama minyak dan gas Sarawak

Kuching: Tiga perkara utama berkaitan isu minyak dan gas diputuskan dalam perbincangan Tan Sri Abang Johari Abang Openg dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pertemuan mereka di Putrajaya, baru-baru ini.

Walaupun tidak memberi butiran lanjut berhubung pertemuan Ahad lalu itu, Premier Sarawak itu berkata, rundingan memberi tumpuan kepada penyelesaian isu di antara PETRONAS, kerajaan Sarawak dan

Petroleum Sarawak Berhad (PETROS).

Abang Johari berkata, beliau dan Anwar akan menandatangani perjanjian mengenai penyelesaian isu berkaitan sumber minyak dan gas di Sarawak itu dalam tempoh terdekat.

“Mengenai perjanjian di antara saya dengan Perdana Menteri, saya memberi petunjuk iaitu tiga perkara dicapai dan tunggu sahaja kerana akan ada dokumen di antara kami akanandatangani mengenai perjanjian

minyak dan gas.

“Pertamanya, Perdana Menteri bersetuju mengiktiraf kedua-dua undang-undang iaitu Persekutuan dan negeri,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Pembukaan Minggu Pembinaan Antarabangsa Borneo 2025, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Ahad lalu, Pejabat Perdana

Menteri dalam kenyataan memaklumkan dua pemimpin itu bersetuju memuktamadkan prinsip asas dalam masa terdekat seperti dipersetujui sebelum ini untuk mempermudah rundingan di antara PETRONAS dan PETROS.

Menurut kenyataan itu, langkah berkenaan penting bagi memastikan potensi besar yang dikenal pasti daripada kerjasama PETRONAS dan PETROS dapat diteroka secara menyeluruh dan dilaksanakan dengan berkesan,

termasuk menegerakan pembelian tenaga secara komersial ke negara ASEAN.

Mengulas lanjut, Abang Johari berkata, perkara kedua yang dibincangkan dalam pertemuan itu ialah mengenai peranan PETROS sebagai agregator gas di Sarawak.

“Perkara itu juga diselesaikan dalam rundingan itu dan yang ketiga ialah perjanjian komersial membabitkan peningkatan pegangan Sarawak ke atas cecair gas asli (LNG),” katanya.